

30 OCT 1999

MAHATHIR-ASEAN

ASEAN MESTI URUSKAN NASIBNYA SENDIRI

Oleh: Muammar Kamaruddin

ALOR SETAR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata antara pengajaran paling penting daripada krisis ekonomi Asia ialah perlunya Asean menguruskan dan mengawal secara proaktif nasibnya sendiri dengan mencartakan secara strategik segala kegiatannya pada masa sekarang dan juga di masa akan datang.

"Dalam konteks ini, saya yakin saluran paip dan grid kuasa trans-Asean merupakan satu daripada kegiatan strategik penting kerana ia akan menghubungkan dan memperluaskan saluran paip serta prasarana kuasa yang ada di rantau ini sekarang bagi memenuhi keperluan tenaga Asean dalam alaf akan datang.

"Ia juga akan membantu mencapai kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi dan pengindustrian rantau Asean seluruhnya melalui penggunaan sumber gas asli secara cekap," kata beliau selepas menyaksikan pemeteraian perjanjian jualan gas antara Petronas dan Pihak Berkuasa Petroleum Thailand (PTT) dengan pemaju-pemaju Blok A-18 di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thai (JDA) untuk bersama membeli gas asli dari blok luar pesisir dalam JDA dengan Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai.

Dr Mahathir berkata asas bagi saluran paip gas dan grid kuasa trans Asean telahpun diletakkan dengan saling hubungan sistem penggunaan gas semenanjung Malaysia dengan Singapura.

Saluran paip trans-Thai-Malaysia akan saling menghubungkan negara Asean ketiga ke sistem saluran paip yang sama, katanya.

"Tidak lama lagi, hubungan-hubungan grid gas nasional selanjutnya akan menjadi kenyataan dan saya yakin, wawasan kita untuk mewujudkan grid kuasa dan gas trans-Asean akhirnya akan tercapai," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata, pembinaan saluran paip trans-Thai-Malaysia dan kilang pengasingan gas memerlukan kelulusan dan persetujuan pihak-pihak berkuasa kerajaan di kedua-dua negara, khususnya syarat-syarat EIA (penilaian kesan alam sekitar).

"Saya harap pihak-pihak berkuasa berkenaan akan memberikan kerjasama dan bantuan sepenuhnya bagi mempercepatkan kemajuan projek strategik yang penting ini."

Dr Mahathir berkata beliau yakin projek ini akan memainkan peranan penting dalam usaha mendapatkan bahan api yang bersih dan cekap bagi menyokong pembangunan industri dan ekonomi bagi selatan Thailand dan juga Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir berkata gagasan untuk memajukan sumber hidrokarbon secara bersama di kawasan yang menjadi pertikaian dan menjadikannya sebuah kawasan pembangunan bersama, adalah satu pendekatan sama menang bagi menyelesaikan pertikaian wilayah antara kedua-dua negara.

"JDA akan tercatat dalam sejarah sebagai bukti kerjasama merentasi sempadan yang unik dan berjaya antara dua negara berjiran dan keupayaan kedua-dua negara memanfaatkan sumber hidrokarbon secara bersama dan saksama yang terdapat dalam kawasan yang dituntut oleh kedua-duanya, sekaligus memperkukuh dan mempertingkatkan lagi hubungan dua hala," katanya.

Pemeteraian perjanjian pemegang saham antara PTT dan Petronas dan penubuhan dua syarikat usaha sama -- sebuah di Thailand yang diberi nama Trans-Thai-Malaysia (Thailand) Ltd bagi pemilikan bersama sistem saluran paip dan kilang pengasingan gas di Thailand, dan sebuah lagi di Malaysia dengan nama Trans-Thai-Malaysia (Malaysia) Sdn Bhd, bagi pemilikan bersama sistem saluran paip di Malaysia, hari ini, menandakan satu kejayaan penting

dan selangkah ke hadapan dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara, katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri Thailand Chuan berkata berikutan penerokaan semula oleh kontraktor-kontraktor JDA dalam tahun 1994, serta penemuan dan pengesahan jumlah gas asli berikutnya, timbul harapan yang tinggi bahawa ia akan memberi faedah ketara kepada kedua-dua negara.

Katanya perkongsian yang semakin meningkat antara Petronas dan PTT yang sama-sama menggunakan sumber gas asli yang berharga dari JDA ini akan memastikan keselamatan tenaga dan kemakmuran ekonomi kedua-dua negara.

Di samping itu, projek saluran paip dan kilang pengasingan gas ini akan menjadi contoh terbaik kerjasama dua hala kedua-dua negara.

"Kedua-dua projek ini juga akan memberi banyak sumbangan ke arah pembangunan masyarakat tempatan kita, membantu meningkat mata pencarian, kualiti hidup dan pendidikan rakyat dalam jangka panjang," tegasnya.

"Memandangkan kedua-dua negara kita mulai pulih daripada masalah ekonomi masing-masing, saya yakin Thailand dan Malaysia yang dikurniakan gas asli di JDA akan berganding bahu sebagai dua jiran sepakat," katanya.

Beliau juga berkata projek tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada kedua-dua negara, tetapi juga rantau ini.

"Saya percaya hubungan erat ini, akan juga mempertingkatkan hubungan dengan Indonesia dalam kerjasama Tiga Segi Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)," katanya.

-- BERNAMA

MAN/MK KY MA